	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018




GARIS PANDUAN

PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (*STANDBY*) PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG


DISEDIAKAN OLEH	DISEMAK OLEH	DILULUSKAN OLEH
Tarikh :	Tarikh :	Tarikh :

Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
www.ump.edu.my

	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Pengenalan	2
2	Tujuan	3
3	Punca kuasa penubuhan	3-4
4	Definisi	4
5	Syarat Permohonan Staf Lindungan Perubatan	4-5
6	Tahap Risiko Aktiviti/Program	6-7
7	Kadar Bayaran	8
8	Persediaan Sebelum Memberikan Perkhidmatan Lindungan Perubatan	8
9	Pengurusan Semasa Dan Selepas Perkhidmatan Lindungan Perubatan	9
10	Laporan Aktiviti/Program	9
11	Proses Kerja	10
12	Lampiran: Senarai Semak Permohonan	11


	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini dinamakan sebagai Garis Panduan Perkhidmatan Lindungan Perubatan (*standby*) Pusat Kesihatan Universiti Malaysia Pahang.
- 1.2 Perkhidmatan lindungan perubatan telah disediakan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sejak beberapa tahun yang lalu. Setelah dikaji, perkhidmatan ini melibatkan kos yang terlalu tinggi. Oleh itu, penambahbaikan telah dicadangkan dengan kelulusan pengurusan tertinggi universiti seperti di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU), Universiti Malaysia Pahang Kali Ke-110 Bilangan 2/2018.
- 1.3 Pembangunan garis panduan ini adalah bagi menyokong kepada Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang memberi penumpuan kepada kemampuan kewangan iaitu proses penjimatan bagi pengurusan universiti serta pemantapan tadbir urus.
- 1.4 *Standby* atau staf lindungan perubatan didefinisikan sebagai “*a person who is on active duty on site of an event to provide immediate medical emergency service*”.
- 1.5 Paramedik didefinisikan sebagai - “*a person trained to give emergency medical care to people who are seriously ill with the aim of stabilizing them before they are taken to hospital*”
- 1.6 Staf – staf kumpulan paramedik buat masa ini terdiri daripada:
 - 1.6.1.1 Penolong Pegawai Perubatan: 4 orang
 - 1.6.1.2 Jururawat Terlatih: 9 orang
 - 1.6.1.3 Penolong Pegawai Farmasi: 4 orang
 - 1.6.1.4 Juruteknologi Makmal Perubatan : 2 orang
 - 1.6.1.5 Pembantu Perawatan Kesihatan: 4 orang
 - 1.6.1.6 Jurupulih Anggota: 2 orang
 - 1.6.1.7 Pemandu Ambulans: 4 orang

2.0 TUJUAN

- 2.1 Dasar ini disediakan untuk menjelaskan keperluan perkhidmatan lindungan perubatan yang telah dibincangkan bersama pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) dan Pusat Sukan & Kebudayaan (PSK) pada tarikh 19 April 2018.
- 2.2 Dasar ini dibangunkan mengikut keperluan aktiviti dari segi risiko program, lokasi program dan melibatkan beberapa program sukan yang diberi keutamaan.

	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018


- 2.3 Memudahkan peserta mendapatkan rawatan kecemasan semasa melakukan aktiviti atau program yang berisiko.
- 2.4 Jika berlaku kes kecemasan semasa program berlangsung, staf PKU dapat memberikan rawatan kecemasan segera untuk menstabilkan pesakit sebelum dihantar ke hospital bagi rawatan lebih lanjut.
- 2.5 Rawatan kecemasan yang pantas dan efektif akan memberikan peluang pemulihan yang terbaik untuk pesakit.
- 2.6 Penambahbaikan proses pembayaran staf lindungan perubatan adalah perlu kerana mengambil kira faktor peningkatan keperluan perkhidmatan PKU, kekangan serta kepelbagaian staf dan ke arah langkah penjimatan untuk universiti.

3.0 PUNCA KUASA PENUBUHAN DASAR

- 3.1 Penambahbaikan telah dicadangkan dan mendapat kelulusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Universiti seperti di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Universiti Malaysia Pahang Kali Ke-110 Bilangan 2/2018.
- 3.2 Pihak Pengurusan Tertinggi mencadangkan agar dibangunkan satu dasar yang jelas terhadap keperluan staf tunggu sedia daripada PKU bagi setiap program/aktiviti melibatkan pelajar/ peserta yang mengambil kira risiko aktiviti, fasiliti dan lain-lain perkara berkaitan. Sehubungan itu satu perbincangan telah dibuat melibatkan pihak JHEPA dan PKU bagi mengenal pasti program/aktiviti (sukan/kelab/persatuan) yang memerlukan staf paramedik/ tunggu sedia.
- 3.3 Penganjur program/PTJ diminta mengenalpasti tahap risiko dalam pengendalian sesuatu program/ aktiviti. Permohonan staf tunggu sedia boleh dibuat sekiranya lokasi program dan jarak hospital adalah jauh serta menyukarkan staf/pelajar untuk mendapatkan rawatan. Namun sekiranya risiko didapati rendah, maka tiada keperluan untuk memohon staf tunggu sedia daripada PKU.
- 3.4 Penganjur/PTJ/Pelajar yang memerlukan perkhidmatan staf tunggu sedia perlu memasukkan kadar bayaran staf tunggu sedia dan kos ambulans (jika ada) dalam kos pelaksanaan program/aktiviti.

4.0 DEFINISI


- 4.1 **Universiti** adalah merujuk kepada Universiti Malaysia Pahang.
- 4.2 **PKU** adalah merujuk kepada Pusat Kesihatan Universiti.
- 4.3 **PTJ** adalah merujuk kepada pusat tanggungjawab dalam Universiti Malaysia Pahang.

	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018

- 4.4 **Pelajar** adalah merujuk kepada mahasiswa dan mahasiswa di Universiti Malaysia Pahang.
- 4.5 **Penganjur** adalah merujuk kepada sebuah organisasi yang melaksanakan aktiviti atau program yang melibatkan pelajar universiti khususnya dan universiti amnya.
- 4.6 **Staf** adalah merujuk kepada kakitangan yang berkhidmat di universiti.
- 4.7 **Standby** adalah perkhidmatan lindungan perubatan/ tunggu sedia.
- 4.8 **Peserta** adalah mana-mana individu yang terlibat dalam sebarang program/ aktiviti yang memerlukan lindungan perubatan.


5.0 SYARAT DAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN PASUKAN LINDUNGAN PERUBATAN

- 5.1 Penganjur perlu menghantar borang permohonan lindungan perubatan ke Pusat Kesihatan Universiti sebulan sebelum program berlangsung. (Rujuk lampiran)
- 5.2 Pihak penganjur perlu mengisi borang permohonan lindungan perubatan mengikut tahap risiko dan akan dinilai oleh Pusat Kesihatan Universiti. (Rujuk lampiran)
- 5.3 Sebarang aktiviti yang berisiko rendah secara amnya tidak memerlukan lindungan perubatan, akan tetapi pihak penganjur perlu menghantar surat pemakluman kepada PKU untuk semakan dan rekod simpanan PKU.
- 5.4 Setiap permohonan untuk perkhidmatan lindungan perubatan akan disemak oleh Pengarah Jabatan Pusat Kesihatan Universiti atau staf yang dipertanggungjawabkan sebelum perkhidmatan ini diberikan.
- 5.5 PKU akan membuat penilaian dan mengeluarkan surat maklumbalas beserta sebutharga perkhidmatan sekiranya perlu
- 5.6 Penganjur Program/PTJ/Kelab perlu memasukkan kos bayaran kerja lebih masa staf, kos penggunaan ambulans serta kos perjalanan staf di dalam kertas kerja di bahagian implikasi kewangan seperti yang diluluskan dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Universiti Malaysia Pahang Kali Ke-110 Bilangan 2/2018.
- 5.7 Permohonan yang dihantar lewat dan tidak mengikut syarat yang ditetapkan, akan menyukarkan urusan PKU untuk mengatur jadual staf. PKU berhak menolak permohonan yang lewat dan pihak penganjur dinasihatkan untuk mengambil

	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018

perkhidmatan luar seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).


- 5.8 PKU juga berhak menolak permohonan yang lengkap sekiranya terdapat kekangan staf.
- 5.9 Sekiranya terdapat program yang tidak dapat dikenalpasti tahap risikonya, pihak penganjur haruslah menghubungi PKU untuk mendapatkan kepastian.
- 5.10 Bagi permohonan rayuan, pemohon boleh menghubungi Ketua PKU secara terus beserta dokumen yang diperlukan. Sebarang kelulusan tertakluk kepada budi bicara dan kebolehsediaan staf.
- 5.11 Bagi senarai semak keperluan permohonan staf lindungan perubatan boleh rujuk di bahagian lampiran.

	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018

6.0 TAHAP RISIKO AKTIVITI/PROGRAM

6.1 JENIS-JENIS RISIKO DAN KRITERIA YANG DIAMBIL KIRA DALAM LINDUNGAN PERUBATAN

JENIS-JENIS RISIKO	DEFINISI RISIKO	JENIS-JENIS AKTIVITI
RISIKO TINGGI	Aktiviti dan kejahatan sukan yang melibatkan SENTUHAN BADAN DAN BERISIKO TINGGI UNTUK MENYEBABKAN KECEDERAAN SERIUS kepada peserta dan penonton ATAU aktiviti dan kejahatan sukan yang BERISIKO MENYEBABKAN KECEDERAAN SELAIN KECEDERAAN SERIUS KEPADA VVIP yang turut serta sebagai peserta atau penonton	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bola Sepak ▪ Hoki ▪ Ragbi ▪ Tinju ▪ Gusti ▪ Bola Keranjang ▪ Menyelam ▪ Silat ▪ Taekwando ▪ Karate-Do ▪ Polo Air ▪ Bola Baling ▪ Olahraga ▪ Mendayung ▪ Berlayar ▪ Berenang ▪ Tenis ▪ Angkat Berat ▪ Futsal ▪ Berbasikal Di Jalan Raya ▪ Pertandingan merempuh halangan ▪ Aktiviti/program yang melibatkan penggunaan alatan yang merbahaya dan boleh mendatangkan risiko kecederaan ▪ Aktiviti yang melibatkan lokasi pedalaman yang jauh dari kemudahan perubatan ▪ Aktiviti extreme seperti meredah arus sungai yang laju ▪ Mountainbiking

	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018

RISIKO SEDERHANA	Aktiviti atau kejahatan sukan yang BERISIKO MENYEBABKAN KECEDEeraan SELAIN KECEDEeraan SERIUS kepada peserta atau penonton	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Baseball ▪ Menyelam ▪ Hoki ▪ Gimnastik ▪ Acara Padang-Lompat Tinggi ▪ Takraw ▪ Bola Tampar ▪ Badminton ▪ Kayak
RISIKO RENDAH	Aktiviti atau kejahatan sukan yang BERISIKO RENDAH UNTUK MENYEBABKAN KECEDEeraan kepada peserta atau penonton	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Golf ▪ Catur ▪ Carom ▪ Memancing ▪ Memanah ▪ Petanque ▪ Larian Fun Run ▪ Permainan tradisional ▪ Aktiviti sukan rakyat ▪ Aktiviti bengkel/kem motivasi ▪ Aktiviti khidmat komuniti


*Rujukan [Malays J Med Sci](#). 2006 Jan; 13(1): 43–51

*Rujukan KKM 87/P1/1/1/3 (10) 15 Jun 2007

7.0 KADAR BAYARAN

7.1 Kadar bayaran perkhidmatan lindungan perubatan adalah seperti berikut:

- (i) Kadar bayaran ambulans dan peralatan adalah RM500 sehari.
- (ii) Kadar bayaran untuk staf adalah berdasarkan kadar tuntutan kerja lebih masa semasa seperti yang telah ditetapkan oleh universiti
- (iii) Bagi program yang memerlukan staf PKU bermalam di tempat program, bayaran kerja lebih masa hendaklah dibayar sehingga jam 12 malam . Sekiranya ada kes yang memerlukan rawatan selepas 12 malam, bayaran tambahan akan dikenakan mengikut kes.
- (iv) Kadar elaun perjalanan adalah mengikut kelayakan staf yang terlibat.
- (v) Kadar bayaran bagi Pegawai Perubatan ialah RM50/jam.
- (vi) Lain-lain caj akan dikenakan sekiranya ada

	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018

7.2 Kadar bayaran yang dikenakan adalah tertakluk kepada caj yang dipersetujui oleh pihak Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Universiti Malaysia Pahang.

8.0 PERSEDIAAN SEBELUM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN


- 8.1 Pemohon akan menghantar surat permohonan kepada pihak PKU selewat-lewatnya dua minggu sebelum aktiviti/program berlangsung.
- 8.2 Pihak PKU akan menapis keperluan permohonan perkhidmatan lindungan perubatan dan akan menghantar surat maklum balas permohonan.
- 8.3 Jika perlu, pihak PKU akan mengeluarkan sebut harga bagi permohonan tersebut dan mengenalpasti staf yang boleh memberikan perkhidmatan staf lindungan perubatan bagi aktiviti/program tersebut.

9.0 PENGURUSAN SEMASA DAN SELEPAS PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN

- 9.1 Pihak penganjur hendaklah memberi jawapan melalui surat/email/memo dalam masa 3 hari selepas menerima sebut harga supaya PKU dapat membuat perancangan tunggu sedia dengan lebih lancar.
- 9.2 Invois akan diberikan semasa program berlangsung kepada penasihat program atau pengarah program.
- 9.3 Jika pembayaran secara tunai hendaklah dibuat melalui mesin e-pos di PKU tertakluk kepada kelab/persatuan atau program penjanaan, manakala bagi program anjuran PTJ hendaklah dibayar melalui tabung amanah masing-masing.
- 9.4 Pembayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya dua minggu selepas program berlangsung.
- 9.5 Permohonan pengeluaran resit rasmi hendaklah dimohon daripada pihak Bendahari.

10.0 LAPORAN AKTIVITI/PROGRAM

- a. Staf yang terlibat WAJIB menghantar laporan perkhidmatan lindungan perubatan kepada Ketua Jabatan PKU selewat-lewatnya seminggu selepas program. Laporan ini boleh dikeluarkan jika diminta oleh pihak penganjur.

	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018


11.0 PROSES KERJA

11.1 SEBELUM PROGRAM

1. Penganjur/pelajar perlu menilai risiko program yang akan dijalankan dengan merujuk kepada jadual tahap risiko dalam portal PKU
2. Sekiranya program didapati mempunyai risiko, penganjur/pelajar perlu masukkan implikasi kewangan di dalam kertas kerja untuk kelulusan.
3. Penganjur/ pelajar boleh muat turun borang permohonan melalui portal PKU atau boleh dapatkan di Pusat Kesihatan Universiti
4. Penganjur perlu menghantar borang permohonan lindungan perubatan ke Pusat Kesihatan Universiti sebulan sebelum program berlangsung
5. PKU akan memberi maklumbalas beserta dengan sebutharga jika berkaitan.
6. Penganjur/pelajar akan memberi jawapan sama ada bersetuju atau tidak dengan sebut harga dalam masa 3 hari waktu bekerja.

11.2 SELEPAS PROGRAM

1. Pembayaran secara tunai/baucer tunai kepada staf bertugas selewat-lewatnya 2 minggu.
2. Resit bayaran akan dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari

	GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN (STANDBY) PUSAT KESIHATAN UMP BAGI PROGRAM/AKTIVI PELAJAR	VERSI	TARIKH
	PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	1.0	MEI 2018

12.0 LAMPIRAN

Senarai semak permohonan

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PERKHIDMATAN LINDUNGAN PERUBATAN		
BIL	MAKLUMAT	SENARAI SEMAK
1	Borang Permohonan Lindungan Perubatan (PKU/BLP-1)	<input type="checkbox"/>
2	Senarai peserta yang mempunyai masalah kesihatan (PKU/BLP-2)	<input type="checkbox"/>
3	Surat akuan menolak rawatan (PKU/BLP-3)	<input type="checkbox"/>
4	Jadual markah untuk penentuan tahap risiko setiap aktiviti program (PKU/BLP-4)	<input type="checkbox"/>
5	Borang Maklum Balas Perkhidmatan Tunggu Sedia (PKU/BLP-5)	<input type="checkbox"/>